

Sather, C., 1997, *The Bajau Laut: Adaptation, History and Fate in a Maritime Fishing Society of South Eastern Sabah*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.

Yap Beng Liang, 1993, *Orang Bajau Pulau Omadal: Satu Kajian tentang Sistem Budaya*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sopher, D.E., 1965, *The Sea Nomads: A Study of the Maritime Boat People of Southeast Asia*, Singapore: National Museum Singapore.

Jurnal

Abrahamsson, E. dan Schagatay, E., "A Living Based on Breath-Hold Diving in the Bajau Laut", *HUMAN EVOLUTION*, Vol. 29 n. 1-3 (171-183) – 2014.

Ismail Ali, "Bogoo: Warisan Perahu Komuniti Bajau Laut Di Sabah, Malaysia", *KAJIAN MALAYSIA*, Jilid. XXV, No. 1, Jun 2007.

Yunus Saurnan Sabin, "Masyarakat Bajau dan Dusun di Sabah Sebelum Tahun 1900", *MALAYSIA DARI SEGI SEJARAH*, Persatuan Sejarah Malaysia, 2000.

Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan

Jainuddin Malik, 1992, *Sejarah Orang-Orang Bajau : Abad Ke-19*, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur

Mohd Said Tarah, 2005, *Sejarah Orang Bajau Omadal : Migrasi Dan Petempatan Di daerah Semporna Sabah Sehingga Tahun 1963*, Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.

Kemunculan Gerakan Islam di Malaya sebelum Merdeka

Ishak Saat*

Ahmad Zainuddin Husin**

Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan

Universiti Pendidikan Sultan Idris

Tel : 019-4782294 / 05-4505165 / fax : 05-4598606

Email: ishakhj@fsk.upsi.edu.my

Abstrak

Kedatangan Islam di Malaya diusahakan oleh para dai yang terdiri dari pelbagai bangsa seperti Arab, Cina dan juga India. Mereka berdakwah dan menyebarkan Islam di Alam Melayu. Namun setelah orang Melayu menerima Islam, kebangkitan Islam terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran kerana pegangan orang Melayu terhadap Islam amat longgar. Maka berlaku konflik dalam kalangan orang Melayu. Abad 20 pula memperlihatkan kemunculan gerakan Islam dalam kalangan orang Melayu. situasi ini mewujudkan dua golongan dalam sejarah orang Melayu yang berkonflik secara terang-terangan iaitu Kaum Muda dan Kaum Tua. Walaupun dewasa ini pengolongan orang Melayu dalam kategori ini sudah tidak lagi berlaku tetapi fahaman Islam sebagai agama ritual semakin menebal dalam kalangan sesetengah orang Melayu. Golongan ini berkonflik dengan segolongan orang Melayu yang ingin menegakkan Islam sebagai agama yang memerintah dan bukan sebagai agama yang diperintah. Mereka ini percaya Islam merupakan satu cara hidup yang merangkumi aspek politik, ekonomi dan sosial. Bagi menguatkan hujah dalam artikel ini maka dirujuk sumber sejarah seperti Fail dan dokumen British serta kajian terdahulu. Justeru itu, artikel ini cuba menyingkap sejarah kebangkitan gerakan Islam di Malaya dan juga cuba menjawab persoalan kenapakah orang Melayu sering dilihat berlainan fahaman terhadap Islam.

Kata kunci : *Ritual, Kaum Muda, Kaum Tua, Hizbul Muslimin dan Burhanuddin Al Helmy.*

Mukadimah

Alam Melayu telah melalui proses Islamisasi yang membawa pelbagai aspek dalam kehidupan sebagai seorang muslim. Proses ini dapat mematangkan pemikiran orang Melayu. Bermula dengan kepercayaan paganisme, animisme, hinduisme dan seterusnya menerima Islam. Namun kebanyakannya aspek keagamaan bersifat selapis kerana bukan berasaskan ilmu dalam agama Islam tetapi lebih kepada aspek budaya. Lantaran itu, masyarakat Melayu dewasa ini masih dilihat mengamalkan amalan-amalan yang pernah dianuti seperti amalan bomoh, majlis perkahwinan berunsur amalan agama Hindu, majlis tepong tawar, mengamalkan Islam secara ritual semata-mata, (Mahayudin Yahaya.2001:193-194) dan juga

* Ishak Saat merupakan Profesor di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

** Ahmad Zainuddin Husin merupakan Pensyarah Kanan di Jabatan Sejarah, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

memisahkan Islam dengan kehidupan duniawi seperti dalam aspek politik dan ekonomi. Sama ada secara sedar mahupun secara tidak sedar. Rata-rata orang Melayu walaupun telah beralih kepada Islam namun kehidupan seharian mereka masih lagi bercampur dengan berunsur-unsur animisme mahupun Hindu-Buddha. Fenomena ini terjadi kerana ilmu Islam yang dipelajari hanya sekadar Islam ritual semata-mata. Bukan Islam yang bersifat syumul atau satu cara hidup. Justeru itu, segolongan anak muda Melayu yang berpendidikan Timur Tengah berusaha memperbetulkan perspektif ini dan mereka berhadapan dengan pelbagai rintangan dan cabaran. Bagi mereka yang sedar tentang kepentingan pendidikan Islam berusaha menghantar anak-anak mereka menuntut ilmu Islam di Timur Tengah. Malah usaha untuk menghantar anak-anak muda Melayu sering digalakkan dan diseru melalui majalah Seruan Azhar. (CO273/534-The Malayan Bulletin of Political Intelligence.1926)

Peranan Ulama

Keakraban hubungan ulama dengan pihak istana memberi ruang kepada perkembangan syiar Islam. Hubungan mereka begitu akrab sehingga ada antara mereka dilantik sebagai pegawai istana, guru istana, kadi dan pembesar, bagi memainkan peranan menyebarkan Islam di Alam Melayu. Hubungan erat antara pihak istana dengan ulama turut mempengaruhi urusan pentadbiran dan politik negara agar selaras dengan tuntutan Islam. Auni Abdullah menjelaskan:

“Bagi para ulama yang ada pertalian dengan istana, kewibawaan politik mereka lahir daripada kedudukan mereka yang ikut sama terlibat dalam lingkaran struktur politik.... Sebenarnya kewibawaan politik lebih banyak berkait dengan ciri-ciri keperibadian istimewa yang menghiasi diri ulama. Ketokohan, keilmuan yang mendalam, hasil penulisan agama yang bermutu, ketinggian peribadi, keluhuran budi, pencapaian rohaniah dan kepimpinan seseorang ulama.” (Auni Abdullah. 1991:113)

Peranan ulama dalam sistem pendidikan pondok berjaya melahirkan golongan intelektual Melayu Islam di rantau Nusantara. (Awang Had Salleh.1977:33) Sistem pendidikan pondok amat popular dalam masyarakat Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Melalui institusi ini banyak idea-idea baru dilahirkan, generasi baru yang lebih berilmu dan lebih terbuka pemikiran serta pandangan terhadap alam kehidupan. Keadaan ini melahirkan kesatuan pemikiran Islam. Kedatangan imperialisme Barat berjaya membantutkan proses Islamisasi di rantau Melayu. Sarjana tempatan, Syed Muhammad Naquib Al-Attas menegaskan:

“Kedatangan imperialisme dan kebudayaan Barat mulai dari abad keenam belas dan ketujuh belas memang telah melambatkan proses sejarah pengislaman. Namun begitu, jika kita tinjau hanya pengaruh kebudayaannya sahaja tanpa menitikberatkan soal imperialisme, pengaruh Barat itu khususnya pada abad kesembilan belas dan kedua puluh dapat ditilik sebagai terusan dari proses pengislaman; pengaruh Barat itu boleh dipertimbangkan sebagai meneruskan tradisi semangat rasionalisme di Kepulauan Melayu-Indonesia, yang dasar-dasar falsafahnya telahpun ditanam oleh Islam sebelumnya”. (Syed Muhammad Naquib Al Attas.1990:114)

Kedatangan imperialis Barat pada abad ke-16 dan ke-17 berjaya membantutkan proses Islamisasi di rantau Melayu, namun abad ke-18 hingga abad ke-20 pula memperlihatkan penerusan proses Islamisasi yang terhenti sejenak kerana gangguan kedatangan imperialis Barat. Pendapat ini turut disokong oleh Mahayuddin Haji Yahaya, tegas beliau:

“Semasa penjajahan Portugis dan Belanda di Tanah Melayu, pengaruh mereka tidaklah begitu meluas, tetapi setelah kedatangan British, corak pentadbirannya telah membawa perubahan yang besar. British bukan sahaja campur tangan dalam soal-soal politik dan ekonomi tetapi turut berusaha membantutkan perkembangan agama Islam dan kemajuan bangsa Melayu.” (Mahayudin Yahaya.2001:194-195)

Pandangan Syed Muhammad Naquib Al Attas dan Mahayuddin Haji Yahaya juga disokong oleh Mohammad Redzuan Othman, melalui kenyataannya: *“Kehadiran kuasa Portugis di Melaka bukan sahaja menjadi ancaman kepada perkembangan ekonomi orang Melayu, dan malahan turut menggugat kesinambungan amalan agama mereka.”* (Mohammad Redzuan Othman.2005:16)

Dalam abad ke-18 hingga ke-20 perkembangan sistem pendidikan pondok dan madrasah melalui kepimpinan para ulama moden amat menggalakkan serta dapat membantu perkembangan pemikiran orang Melayu ke arah perjuangan Islam yang lebih syumul. Dakwaan penulis boleh dibuktikan dengan kebangkitan kepimpinan dan keilmuan para ulama bukan sekadar menjadi guru pondok sahaja, namun mereka juga turut menjadi penasihat dan pakar rujuk dalam permasalahan agama sama ada dirujuk oleh anggota masyarakat setempat mahupun oleh pemerintah Kesultanan Melayu waktu itu. Kecemerlangan dan keilmuan serta pemikiran yang mereka miliki terserlah dan mendapat pengiktirafan di peringkat antarabangsa. Dakwaan ini terbukti dengan menyingkap sejarah ketokohan ulama-ulama kelahiran Melayu seperti, Syeikh Daud Al Fatani (1764-1847), Syeikh Abdul Samad Al-Palembani, Syeikh Abdul Khatib Sambas, Syeikh Nawawi Banten (1818-1888), Syeikh Ahmad Zain Al Fatani (1856-1908) dan Syeikh Ahmad Khatib Al Minangkabawi (1864-1916). Mereka berjaya menempa nama di kota Makkah dan diberikan kepercayaan serta penghormatan untuk mengajar di Masjid Al-Haram. Mereka inilah yang menjadi perhubungan antara ulama Melayu dengan ulama Timur Tengah serta ulama dunia Islam yang lain. Para ulama Melayu ini juga turut berminat dalam perkembangan semasa senario politik dunia Islam yang sedang bangkit menentang kezaliman penjajahan Barat. Di Timur Tengah waktu itu lahir gerakan Islah atau reformis Islam yang dipimpin oleh Gerakan *Ikhwanul Muslimin* yang berusaha mengubah minda masyarakat Islam tentang perlunya menentang para imperialis. (Syeikh Fakhruddin.1987:10)

Kemunculan Kaum Muda

Perkembangan Islam di Tanah Melayu selaras dengan perkembangan institusi pendidikan agama. Melalui institusi agama seperti sekolah pondok dan madrasah, penyebaran Islam semakin meluas. Di institusi pondok lahir pelbagai aliran pemikiran orang Melayu terhadap Islam. Peranan dan semangat Kaum Muda juga lahir waktu itu. (Mohammad Redzuan Othman.2005:113-115) Kaum Muda lahir daripada kesedaran Islam yang dibawa pulang oleh mereka yang menuntut ilmu dalam bidang agama di Timur Tengah.

Kaum Muda merupakan gelaran yang diberikan kepada golongan pemuda yang baru pulang dari mendapatkan pendidikan formal Islam di Timur Tengah dan terdidik dengan perjuangan yang diasaskan oleh gerakan *Ikhwanul Muslimin* di Mesir yang berusaha untuk menentang pihak imperialis Barat. (Lois A. Aroiau and Richard P. Mitchell.1994:214) Namun aliran Kaum Muda di Tanah Melayu bukan sahaja dipengaruhi dari Timur Tengah sahaja, bahkan juga dari India dan Indonesia. Mereka berusaha mengajak dan mengkaderkan penuntut-penuntut Melayu Islam agar sama-sama bangkit menentang penindasan penjajah Barat serta berusaha membebaskan diri dari cengkaman penjajah. Justeru itu, pengkaderan para

penyokong *Ikhwanul Muslimin* dilakukan kepada semua penuntut yang cenderung kepada perjuangan menentang penjajah. Mereka pulang bukan sahaja dengan kelulusan tetapi membawa semangat perjuangan yang tinggi untuk disebarkan kepada masyarakat Melayu di Tanah Melayu. (Mohammad Redzuan Othman.2005:111) Waktu itu di Timur Tengah khususnya Mesir yang dijajah oleh British sedang berhadapan dengan *Ikhwanul Muslimin*. *Ikhwanul Muslimin* merancang, menyusun dan mengkaderkan para pejuang untuk menentang penjajah British di bumi Mesir. Malah semangat ini turut dieksport ke seluruh pelusuk dunia melalui proses pengkaderan tadi. Bermula dengan gerakan *Pan-Islamisme* dan Reformis Islam di Timur Tengah serta seterusnya berkembang ke Nusantara, Tanah Melayu turut menerima pengaruh tersebut. (C0537/3751/136798-Pan Islamic Movement)

Berdasarkan pengasas gerakan *Ikhwanul Muslimin*, Hassan Al-Banna, Kaum Muda sedar dan memahami betapa pentingnya amanah dan tanggungjawab yang perlu dipikul demi untuk memberikan kesedaran, menunjuk arah dan memimpin masyarakat Melayu kembali ke landasan yang sebenar seperti yang dituntut oleh ajaran Islam yang bersifat syumul. Malah mereka turut berjuang untuk menghapuskan amalan-amalan khurafat yang berleluasa dalam kalangan masyarakat Melayu. Namun waktu itu terdapat golongan ulama tradisi yang mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Melayu lebih dikenali sebagai Kaum Tua. Usaha mereka ini akhirnya mendapat tentangan daripada Kaum Tua yang sudah selesa dengan cara hidup yang sedia ada. (Mohammad Redzuan Othman.2005:144) Waktu itu pegangan agama dalam kalangan masyarakat Melayu sekadar adat sahaja. Malah amalan Islam semakin menjadi sebuah upacara agama yang bersifat adat budaya, bukan lagi sebuah agama yang bersifat universal dan syumul. Kaum Muda sedar bahawa terdapat beberapa faktor yang membantutkan pemikiran dan kemajuan bangsa Melayu. Di antaranya:

1. *Kurangnya pemahaman tentang ajaran Islam yang sebenar sebagaimana yang dituntut oleh Al Quran dan Hadis.*
2. *Peranan guru agama dan Imam yang tidak menyampaikan ajaran dan menunjukkan kepimpinan yang sewajarnya dalam masyarakat.*
3. *Gejala adat istiadat Melayu yang masih terikat dengan amalan-amalan berunsur Hindu.*
4. *Peranan penjajah British dengan kerjasama kaum imigran yang memeras sektor ekonomi negara.*
5. *Sikap bangsa Melayu yang berpuas hati dengan kehidupan sekadarnya.* (Abdul Halim Mahmud.2003:58)

Faktor di atas telah membuat Kaum Muda bertindak secara lebih agresif dalam melakukan perubahan untuk memberi kesedaran dan pendidikan dalam kalangan orang Melayu. Muhammad Redzuan Othman menegaskan bahawa:

"Disebabkan Kaum Muda dinafikan peluang menyebarkan pemikiran mereka melalui institusi agama yang rasmi, aktivis gerakan ini menyebarkan pemikiran mereka dengan membuka madrasah dan menerbitkan akhbar." (Mohammad Redzuan Othman.2005:114-115)

Tindakan mendirikan madrasah moden bagi menggantikan peranan institusi pondok mula dilakukan oleh pendukung Kaum Muda. Ia bertujuan mengsystematikan proses pembelajaran di institusi agama yang mendominasi sistem pendidikan masyarakat Melayu waktu itu. Melalui institusi madrasah, pendidikan didasarkan kepada konsep yang secara relatifnya moden jika dibandingkan dengan institusi pondok. Pengajaran di madrasah tidak dalam

bentuk halaqah, sebaliknya dibuat dalam kelas yang disediakan dengan jadual waktu tetap. Mata pelajaran yang diajar pula tidak terbatas kepada pelajaran agama semata-mata, tetapi turut diajar ilmu duniawi seperti Matematik, Mantiq dan Ilmu Alam. Berlaku penerapan dan gabungjalin antara ilmu akhiran dengan ilmu dunia. Ia juga bertujuan agar orang Melayu sedar dan dapat melihat perubahan secara tidak seimbang yang sedang melanda Tanah Melayu ketika itu. Lantaran itu, Kaum Muda mula memberikan pandangan baru yang akhirnya mengundang perbalahan antara mereka dengan Kaum Tua di Tanah Melayu. Pandangan Kaum Muda ini menimbulkan pelbagai reaksi buruk daripada kalangan rakyat yang terikut-ikut dengan cara ulama tradisional berfikir sehingga mereka mengatakan bahawa ulama Kaum Muda cuba memesongkan ajaran Islam yang sebenar. Sebagai contoh pertembungan antara Kaum Muda dengan Kaum Tua boleh dilihat dalam peristiwa percanggahan pendapat isu menegur ketika khatib membaca khutbah. (Ramlah Adam.2000:12-13) Keberanian Kaum Muda menyanggah pendapat Kaum Tua dilihat sebagai kebangkitan Kaum Muda dalam masyarakat Melayu. Pihak penjajah dan golongan aristokrat Melayu tidak bersetuju dengan tindakan Kaum Muda kerana mereka ini cuba menyedarkan orang Melayu tentang betapa berbahayanya agama jika dipisahkan dengan kegiatan politik dan juga ekonomi. (Mahayudin Yahaya.2001:197-198) Pertembungan pemikiran dan penafsiran amalan agama dalam masyarakat Melayu, membuatkan terbentuknya suatu era kegawatan antara pemikiran tradisi dan reformis Islam. Keutuhan dan pertapakan kukuh pemikiran Kaum Tua di Tanah Melayu membuatkan Kaum Muda sukar diterima umum. Keadaan ini menyebabkan Kaum Muda di Tanah Melayu melalui jalan yang agak sukar.

Secara ringkasnya, bermula dengan semangat yang dipelopori oleh Kaum Muda dan Kesatuan Melayu Muda sekitar tahun 1920-an dan 1930-an, gerakan ini berjaya membangkitkan semangat menentang penjajah British. Kaum Muda yang rata-rata berpendidikan Timur Tengah, pulang dengan berbekalkan semangat reformis Islam bagi menyambung perjuangan *Ikhwanul Muslimin* untuk menentang penjajah Barat. Usaha mereka ini berjaya membangkitkan gerakan Islam di Tanah Melayu khususnya di Perak, sebagai contohnya lahir Hizbul Muslimin di bawah kepimpinan Us. Abu Bakar Al baqir di Gunung Semanggol. Di Maahad Il Ihya As-Sharif, berjaya melahirkan ramai tokoh politik, antara mereka ialah Tuan Haji Ahmad Fuad bin Hassan, Ustaz Othman Hamzah, Mohd. Asri Muda dan juga Ustaz Baharuddin Latif. Peranan pendidik di madrasah tersebut diperkuatkan oleh kehadiran para pendidik yang datang dari "tanah seberang" khususnya Sumatera. (Khazin Mohd Tamrin.1997:218) Di antara mereka ialah Tuan Haji Latif Zaki, Haji Yunus Medan dan Ustaz Abrab Tarmimi, yang banyak membantu pergerakan berpusat di Maahad Il Ihya As-Sharif. Begitu juga ulama Syeikh Junid Thala yang melarikan diri daripada ditangkap penjajah Belanda telah berhijrah ke Padang Rengas, Perak. Di Padang Rengas beliau mendirikan Madrasah Diniyah, di Kampung Lalang. Di madrasah ini dijadikan pusat gerakan menentang British. Beliau kerjasama dengan pergerakan anti British seperti PKMM, API dan AWAS. (Wan Mohd. Shaghir Abdullah.2006:18-19)

Persidangan Majlis Agama Tinggi SeMalaya(MATA) yang diadakan pada 14 Mac 1948, di Gunung Semanggol kelihatan jelas wujudnya pengaruh kuat pertubuhan Islam Indonesia seperti Muhammadiyah ataupun Wasliah dan Masjumi. Ini merupakan bukti kukuh pengaruh Islam di maahad tersebut dipengaruhi unsur-unsur dari Indonesia.(Nabir Hj Abdullah.1976:117-123) Kekuatan Ihya As-Sharif turut diperkuatkan lagi dengan kewujudan madrasah aliran Kaum Muda yang menyokong dan menyebarkan kefahaman agama yang senada dan sealaran. Di sini wujudnya hubungan dua hala antara madrasah seperti Madrasah Al Insaniah, Teluk Anson, Madrasah Al Huda Wal Bushra, Sungai Parit, Pasir Panjang, Sitiawan, Madrasah al Ulum al Syariah, Bt. 20, Bagan Datoh dan Madrasah Yahyawiyah,

Padang Rengas serta Madrasah Diniyah, Kampung Lalang, Padang Rengas, Perak. Kerjasama dalam melaksanakan perancangan dakwah dan perjuangan Islam dapat dijalankan dengan baik kerana wujudnya kesatuan pemikiran, persefahaman dalam perbincangan dan pergerakan serta matlamat Islam yang sama, khususnya yang berkaitan dengan aliran Kaum Muda. Kewujudan mereka menggantikan peranan sebahagian sistem pendidikan pondok kepada sistem pendidikan formal dan dapat melahirkan pejuang Islam yang lebih terbuka, selaras dengan tuntutan Islam yang bersifat universal.

Dalam masa yang sama dasar British dilaksanakan di Tanah Melayu berjaya menjumudkan pemikiran, melemahkan ekonomi, politik, sosial serta pendidikan bangsa Melayu. Keadaan ini menyebabkan institusi sultan dan pembesar menjadi boneka sahaja. Sultan-sultan yang dilayan dengan baik oleh British, sebenarnya British mempunyai muslihat untuk melekakan mereka. Mahayudin Haji Yahaya menegaskan dalam karyanya *Islam Di Alam Melayu* :

"Semasa penjajahan British, raja-raja Melayu telah dijadikan alat dan perkakas Inggeris untuk dipergunakan oleh pihak penjajah bagi menguasai negara ini. Ini adalah satu penghinaan besar terhadap raja-raja Melayu dan rakyat yang beragama Islam. Sifat menghina raja memang biasa dilakukan oleh penjajah British. Misalnya dalam kes gerakan anti penjajahan, pihak British sering memaksa raja-raja menentang pejuang-pejuang tersebut. Kuasa agama yang dikatakan diserahkan kepada raja, tetapi dari segi praktisnya segala keputusan yang dibuat tentang hal tersebut adalah di tangan Gabenor British, dan berbagai-bagai lagi kes penghinaan British terhadap raja." (Mahayudin Yahaya.2001:199)

Kenyataan ini menjelaskan bahawa sistem politik sudah dikuasai sepenuhnya oleh pentadbiran British. Namun bagi mengaburi dan menghalalkan muslihat mereka, kerabat diraja dan anak-anak kaum bangsawan Melayu diberikan peluang dan kedudukan istimewa. Mereka berikan keutamaan untuk mendapatkan pendidikan Inggeris, sama ada di dalam mahupun luar negara. Dalam negara sekolah-sekolah khas diwujudkan bagi persekolahan anak-anak bangsawan. (Hairudin Harun.2001:21) Perkara ini dilakukan oleh British demi kesinambungan pemikiran dan pemerintahan ala Barat berkekalan di Tanah Melayu. Di samping pengenalan dasar pendidikan seperti ini, pihak British juga memperkenalkan sistem raja berperlembagaan di Tanah Melayu. Akal budi bangsa Melayu tercorak bersesuaian dengan proses pembaratan. Menurut Mohd. Isa Othman, dasar British berjaya melahirkan golongan elit Melayu sesuai dengan acuan penjajah dan seterusnya berjaya mengekalkan institusi kesultanan dan pembesar sebagai sebuah institusi yang hanya tinggal pada namanya sahaja. Beliau menegaskan lagi, strategi ini berjaya membendung kesedaran politik bangsa Melayu:

"Setelah lulus, mereka akan diberi peluang menjawat jawatan yang agak penting dalam pentadbiran British. Langkah ini berkesan mengekalkan kedudukan mereka sebagai golongan elit Melayu. Dengan cara ini Inggeris berjaya mengekalkan kesedaran politik." (Mohd. Isa Othman.2002:229)

Melalui strategi ini penjajah British berjaya mengekang kesedaran berpolitik dalam kalangan sultan dan para pembesar Melayu. Dasar ini berlanjutan puluhan tahun, hidup terleka dengan kesenangan dan kemewahan yang disogokkan oleh penjajah sehinggakan bangsa Melayu menderita tanpa pembelaan. Kenyataan ini turut disokong oleh Dr. Burhanuddin seperti berikut:

"Orang ramai Melayu telah dapat merasakan bagaimana nasib mereka terbiar, perhubungan mereka dengan raja-raja, dengan negeri telah renggang daripada makna yang sebenarnya." (Burhanuddin Al Helmy.1946:8)

Bagi golongan bangsawan pula mereka lebih selesa dan menentang segala bentuk penentangan terhadap pihak British kerana turut mendapat layanan istimewa. Bagi mereka

orang Melayu sudahpun mendapat layanan istimewa seperti hak istimewa dan tanah rizab Melayu dari pemerintah British. Maka segala bentuk penentangan terhadap British sukar mendapat restu sultan dan golongan bangsawan. Bagi memperkukuhkan cengkaman dan kedudukan penjajah di Tanah Melayu, orang Melayu dibiarkan dalam keadaan sedia ada. Masyarakat Melayu tidak dibangunkan sepenuhnya, malah dibiarkan kekal sebagai golongan petani yang serba ketinggalan. (Mohd. Isa Othman. 2002:228-229) Kemudian bagi jawatan-jawatan penting dalam pentadbiran British di Tanah Melayu hanya dibuka kepada segelintir elit Melayu yang berpendidikan Barat sahaja. Lantaran itu, timbul perasaan tidak puas hati dalam kalangan orang Melayu. Bagi mereka yang berpendidikan Islam atau Timur Tengah pula mewujudkan hubungan dengan pelbagai pertubuhan dan pergerakan Islam yang lain. Mereka ini tidak bergantung harap kepada penjajah. Namun mereka juga mempersoalkan kenapa terdapat layanan "Double Standart" terhadap golongan berpendidikan Islam. (CO 537/6016 -SECRET. *Anti British Propaganda Among Malay Pilgrimage at the Hejaz.*)

Justeru itu, mereka yang berpendidikan Islam sering berhubung dengan pergerakan Islam yang lain sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Atas nama Islam maka perjuangan menentang penjajah melangkaui sempadan sesuatu negara seperti hubungan Gerakan Melayu Patani Raya (GMPR) dengan Maahad Il Ihya As-Sharif dan juga Hizbul Muslimin, saling bekerjasama sama ada dalam persidangan MATA mahupun dalam perjuangan membela golongan Melayu Patani yang ditindas kerajaan Thailand. (Nabir Hj Abdullah. 1976:142-144) Tuan Guru Haji Sulong yang memimpin perjuangan Melayu Patani berkerja keras meniupkan semangat perjuangan menentang kezaliman kerajaan Thailand melalui pertubuhan *Semangat Patani*. (CO537/3751/136798 *Patani Affairs*) Namun perjuangan mereka menemui kegagalan apabila pihak kerajaan Thailand tidak memberikan reaksi positif tetapi sebaliknya bertindak agresif dengan menuduh pertubuhan *Semangat Patani* di bawah kepimpinan Haji Sulong sebagai anti-Thai. Lalu Haji Sulong ditangkap dan dipenjarakan pada 16 Januari 1948. (CO537/3751/136798 *Patani Affairs*:62) Penangkapan ini menjadi pemangkin tercetusnya perjuangan bersenjata dan pemberontakan di Dusun Nyior pada 26 April 1948. (Nik Anuar Nik Mahmud.1999:77-78) Ekoran daripada peristiwa berdarah ini membuatkan lebih ramai golongan Melayu Patani berhijrah ke utara Malaya. (Mohd. Zamberi A Malek.1994:254) Penghijrahan ini memperkuatkan lagi masyarakat Melayu Patani di kawasan utara dalam gerakan menentang penjajahan British di Malaya pula. Situasi ini membangkitkan semangat jihad dalam kalangan gerakan Islam.

Semangat Jihad

Semangat jihad menentang penjajah dan pemerintah yang zalim tersebar luas di Malaya kemudiannya. Semangat ini dipelopori melalui Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin(1896-1956) yang pernah menuntut ilmu di Timar Tengah. Beliau dibantu oleh Syeikh Muhammad Salim al Kalali, Syed Syeikh Al Hadi, Syed Muhammad Aqil dan Haji Abbas Muhammad Taha. (Abdul Rahman Abdullah.1998:267-268) Aliran pemikiran ikhwanul Muslimin kemudiannya diperjuangkan pula oleh Ustaz Abu Bakar Al Baqir dan Dr. Burhanuddin Al Helmy melalui institusi Maahad Il Ihya As-Sharif dan pertubuhan politik Hizbul Muslimin yang cuba mengajak orang Melayu agar bersatu dan kembali kepada ajaran Islam sebenar. Perkembangan gerakan reformis ini merencanakan perkembangan pemikiran Melayu Islam dalam mengharungi arus kebangkitan Islam di Malaya kemudiannya. (Muhammad Abu Bakar.1994:7-8) Melalui mereka ini muncul golongan Kaum Muda yang lebih terbuka dan tegas dalam memperjuangkan mendaulatkan Islam. Menyingkap pandangan Zulkifli Muhammad pula, tokoh Kaum Muda yang juga Timbalan Yang DiPertua PAS tahun 1957 secara tegas menyarankan agar keseluruhan orang Melayu mesti bangkit menentang segala bentuk penjajahan dengan mendakwa bahawa perjuangan menentang penjajah merupakan satu tuntutan kepada umat Islam. Kenyataannya:

“Salah besar hukumnya bagi orang Islam duduk di bawah penjajahan asing oleh orang yang tidak seagama dengannya. Sebab itu umat Islam adalah diwajibkan oleh TuhanNya memperjuangkan kemerdekaan bagi melepaskan dirinya dari ikatan penjajahan oleh orang yang tidak sekeyakinan dengannya. Jadi nyatalah bahawa memperjuangkan kemerdekaan itu bagi umat Islam, dan bagi PAS sebagai sebuah parti politik Islam bukan saja merupakan kewajipan politik semata-mata tetapi lebih dari itu merupakan perintah agama, perintah Tuhan yang mesti dijunjung dan dilaksanakan.” (Suara Islam.15/5/1957)

Sarjana tempatan, Fadhlullah Jamil pula merumuskan bahawa dasar penjajahan Barat di dunia Islam antara lain ingin melemah dan menguasai segala aspek kehidupan umat Islam. Keadaan ini terjadi kerana perancangan dan pelaksanaan penjajahan oleh Barat di dunia Islam bukan sekadar untuk memiliki kekayaan ekonomi semata-mata tetapi mereka turut berusaha mengubah aliran pemikiran masyarakat Islam yang dijajah. Dengan berbuat demikian dunia Islam akan sentiasa lemah dan bersifat kebergantungan kepada dunia luar atau Barat. Tegas beliau:

“Walau bagaimanapun, sedang kesedaran mulai berputik di sanubari para pejuang Islam, tiba-tiba datang pula serangan demi serangan dari Barat. Melihat akan kelemahan yang umumnya menyelubungi dunia Islam, maka imperialisme Barat seperti British, Perancis, Rusia dan sebagainya, terus menyerbu dengan rakusnya ke wilayah-wilayah Islam dengan tujuan untuk menguasai dan memperhambakan umat Islam demi memenuhi kepentingan mereka sendiri, sama ada yang berbentuk politik, ekonomi mahupun agama.” (Fadhullah Jamil.2000:7)

Usaha dan perancangan rapi para imperialis Barat berjaya melemahkan umat Islam seluruh dunia yang dijajah, termasuk Malaya. Lantaran itu bagi penulis kebangkitan Islam akan sentiasa diawasi kerana kebangkitan secara menyeluruh mampu menggugat kedudukan para imperialis Barat.

Institusi Pendidikan Agama melahirkan Fikrah Islam

Sistem pendidikan madrasah berjaya membantu perkembangan pemikiran masyarakat Melayu sama ada dari segi sosial, ekonomi dan juga politik seperti peranan yang dimainkan oleh Maahad Ilya As-Sharif Gunung Semanggol, sekitar tahun 1934 hingga 1959. Melalui institusi pendidikan ini masyarakat Melayu diberikan kesedaran pemikiran, agar lebih terbuka dalam melihat Islam sebagai suatu cara hidup bukan sebagai agama ibadah / ritual semata-mata. Melalui institusi ini juga masyarakat Melayu turut diajak berjuang untuk memperkembangkan bidang ekonomi dan politik. Lantaran itu, pelbagai konvensyen diadakan seperti konvensyen MATA dan Konvensyen Ekonomi, dijalankan di Maahad Ilya As-Sharif sehingga lahirnya Pusat Perekonomian Melayu SeMalaya (PEPERMAS) pada 23 Mac 1947. Institusi ini turut berusaha mencelikkan pemikiran masyarakat Melayu waktu itu kepada perjuangan politik Islam dengan menubuhkan parti Hizbul Muslimin pada 14 Mac 1948. (Nabir Hj Abdullah.1976:169) Cadangan ini dikemukakan oleh Ustaz Abu Bakar Al Baqir. Ini membuktikan bahawa institusi pendidikan Islam turut terlibat secara serius dalam usaha mengembangkan aliran pemikiran Melayu.

Peranan para ulama dalam sistem pendidikan Islam seperti peranan Syeikh Tahir Jalaluddin, Ustaz Abu Bakar Al Baqir, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ustaz Baharuddin Latif dan Ustaz Zulkifli bin Muhammad membuka minda serta memajukan pemikiran masyarakat Melayu waktu itu. Mereka diterima sebagai pakar rujuk dan pemimpin, malah berjaya mewujudkan

realignment of forces dalam masyarakat, apatah lagi sekiranya komitmen yang baru itu memusatkan pemikiran dan perlakuan orang ramai kepada perjuangan yang tidak pernah kedapatan sebelumnya. Perkembangan ini boleh mengubah suasana sosial dan membentuk kehidupan baru sehingga perjalanan komuniti atau perkampungan yang berkisar kepada persekolahan dan ulama pondok mengalami tranformasi dari segi bentuk (*form*) dan isi (*content*). (Norazit Selat.1997:148)

Situasi ini mencorakkan pemikiran orang Melayu kepada suatu bentuk kefahaman Islam yang lebih terbuka dan bersifat universal. Ia bukan sekadar memberikan pendidikan agama semata-mata, tetapi di sini bermulanya gelombang kesedaran tentang pentingnya orang Melayu memperbaiki diri dan berusaha untuk maju ke hadapan. Ia juga turut meniupkan semangat anti British. Keadaan ini melahirkan golongan Kaum Muda yang berjiwa besar dan bersemangat kental dalam usaha meniupkan semangat jihad ke dalam jiwa orang Melayu waktu itu. Waktu itu kefahaman Islam dalam masyarakat Melayu secara umumnya ialah Islam sekadar sebuah agama yang berkaitan dengan ibadah ritual semata-mata. Justeru itu banyak amalan khurafat yang bertentangan dengan ajaran Islam sebenar telah diamalkan dan menjadi pegangan budaya dalam masyarakat Melayu seperti upacara mandi safar, kenduri tolak bala, upacara tepung tawar, amalan persandingan dan kepercayaan tahayul. Kelekaan dan kebiasaan kepada amalan-amalan yang menjadi pegangan orang Melayu ini terjadi kerana kurangnya usaha dari golongan ulama ortodoks (Kaum Tua) untuk memperbetulkan kekaburan itu. (Ismail Mat.1993:27) Golongan Kaum Tua dan masyarakat sudah amat selesa dengan cara kehidupan yang diamalkan waktu itu. Kemunculan aliran pemikiran Kaum Muda ini amat mengejutkan, kehadiran mereka ditentang oleh Kaum Tua dan juga masyarakat Melayu umumnya. Kedudukan Kaum Tua waktu itu amat disegani dan dihormati malah mereka mendapat kedudukan yang tinggi dalam masyarakat setaraf dengan golongan bangsawan Melayu. Hubungan antara Kaum Tua dengan golongan bangsawan Melayu amat rapat. Justeru itu, kehadiran Kaum Muda seolah-olah mencabar kedudukan dan keegoan Kaum Tua. Fenomena ini membuatkan kehadiran mereka tidak disenangi dalam masyarakat Melayu umumnya dan golongan bangsawan khususnya. Keadaan ini mewujudkan dua aliran perjuangan dalam masyarakat Melayu iaitu perjuangan berasaskan kepada syariat Islam dan satu lagi perjuangan kebangsaan Melayu.

Burhanuddin Al Helmy menjelaskan, prinsip politik beliau dalam kursus politik anjuran Jawatankuasa Pemuda UMNO Pontian, Johor pada tahun 1955:

"Ilmu politik ialah ilmu menerangkan bagaimana berdiri dan mengaturkan negara, supaya dapat membentuk dan mengikuti serta menyesuaikan pekerti dan kudrat manusia dengan zaman dan tempat bagi kemajuan perasaan hidup, kecerdasan fikiran, kepercayaan bergerak dan berjuang terus menerus, berevolusi dan segala kelapangan kehidupan dan masyarakat manusia. Supaya sebuah negara merdeka dan berdaulat dengan mempunyai undang-undang, tata tertib, pemerintahan aman dan makmur [dan] berdiri." (Burhanuddin Al Helmy.1955:12)

Beliau cukup berkeyakinan bahawa Islam merupakan sebuah agama lengkap, justeru itu beliau menyeru semua peserta kursus agar kembali kepada perjuangan Islam, tegas beliau:

"Agama Islam berlainan sekali dengan agama-agama yang lain [yang] memang tidak dapat mengatur negara dengan lengkap dan memang boleh dipisahkan dari mengatur negara. Malah agama lain boleh dipakai bersendiri-sendirian, tetapi agama Islam berlainan sekali. Hidup mati seorang Islam tidak terlepas dan bercerai daripada Quran dan Sunnah Rasul." (Burhanuddin Al Helmy.1955:14-15)

Prinsip perjuangan Islam dan keyakinan beliau terhadap pegangan ini diulanginya lagi kira-kira duabelas tahun kemudian. Ketika menyampaikan syarahan di Universiti Malaya pada tahun 1967 anjuran Kesatuan Islam Universiti Malaya. Beliau menegaskan bahawa sesungguhnya Islam telah disembunyikan, kenyataan beliau seperti berikut:

"Kita dengar orang mengatakan 'Islam tidak ada politik', 'Islam tidak boleh campur politik', 'Islam tidak boleh berpolitik', 'politik hendaklah terpisah dari agama', dan lain-lain lagi. Kata-kata ini timbul dari ulama kristian dan musuh-musuh Islam; kemudian ulama-ulama kolot Islam yang mengampu-ampu penjajah menggunakan pula kata-kata yang bermaksud demikian. Akhirnya kata-kata itu semakin melebar hingga obor-obor Islam itu tertutup cahayanya." (Burhanuddin Al Helmy.1967:1)

Lantaran itu, persoalan Islam dan kebangsaan Melayu bagi Burhanuddin Al Helmy merupakan dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Perjuangan orang Melayu tidak boleh dipisahkan antara perjuangan kebangsaan dan Islam kerana kedua-dua aspek ini saling berkaitan. Bagi beliau perjuangan berasaskan kebangsaan ini hanyalah salah satu alat untuk mencapai kesejahteraan hidup di dunia dan juga akhirat. Beliau menegaskan dalam *Falsafah Kebangsaan Melayu* seperti berikut:

"Islam memandang kebangsaan itu sebagai suatu alat bukan tujuan. Kebangsaan hendaklah mengambil tempat yang sederhana dan bulat sebagai suatu lambang yang boleh menarik dan menyatukan suatu bahagian tenaga untuk mencapai cita-cita mulia yang besar dan abadi, sebagaimana Islam memandang dunia bukan tujuan tetapi hanya satu alat atau tunggangan yang menyampaikan ke akhirat." (Burhanuddin Al Helmy.1955:42)

Lantaran itu, penulis berpendapat beliau merupakan seorang ahli politik kebangsaan Melayu yang meletakkan Islam sebagai teras dan prinsip dalam perjuangannya. Malah setiap kali memimpin pergerakan politik beliau akan berusaha untuk mengembangkan pemikiran Islam agar diterima oleh semua. Beliau menolak perjuangan yang bermatlamatkan kebangsaan Melayu semata-mata kerana perjuangan tersebut adalah perjuangan *assobiyyah* yang bertentangan dengan tuntutan agama. (Siddiq Fadhil.1998:99-103) Lantaran itu, beliau menolak perjuangan UMNO.

Ketika Burhanuddin Al Helmy memimpin PAS beliau sekali lagi menekankan bahawa bagi memantapkan kedudukan orang Melayu, mereka mesti bersatu tidak kira dari mana aliran pemikiran sama ada Islam, kebangsaan mahupun sosialis. Baginya pengembelangan tenaga orang Melayu akan membolehkan penghasilan satu pasukan bertindak yang mampu menggugat penjajah British. Malah beliau secara tegas menyatakan bahawa bangsa Melayu merupakan satu rumpun besar yang harus bekerjasama dan bersatu hati. Tegas beliau dalam ucapan pertama ketika menerima jawatan Yang DiPertua PAS Pusat di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur pada 25 Disember 1956, seperti berikut: "*These is no plausible reason why our desire to maintain closer relationship with Indonesia should be subject to such vile attacks. The Malay and the Indonesian people come from the same stock and it is thus natural that they should want to be closer. To be united.*" (Burhanuddin Al Helmy. 1956:2-3)

Ketegasan dalam memperjuangkan prinsip *Melayu Raya* amat jelas kelihatan kerana beliau amat berkeyakinan bahawa bangsa Melayu dan Islam akan menjadi lebih kuat sekiranya penyatuan orang Melayu di Kepulauan Melayu boleh dilakukan. Kemudian beliau menjelaskan lagi bahawa adalah menjadi tanggungjawab semua umat Islam untuk menuntut kemerdekaan daripada pihak penjajah kerana ia merupakan tuntutan Islam yang wajib dilaksanakan. Dalam konteks Malaya, adalah menjadi tanggungjawab semua orang Melayu menolak segala bentuk penjajahan dan memperjuangkan kemerdekaan daripada penjajah British. Dalam ucapan sulungnya dalam Mesyuarat Agong, Parti Islam SeMalaya pada tahun 1956 beliau menekankan bahawa:

"*As a muslim patriot he is also striving for the honour of his faith the prestige of Islam and the aspiration of a United Muslim Nation. One cherished hope cannot be achieved without the fulfilment of the other.*" (Burhanuddin Al Helmy. 1956:4)

Maka adalah jelas asas pemikiran Burhanuddin Al Helmy ialah memperjuangkan Kebangsaan Melayu yang berteraskan prinsip Islam. Penyatuan seluruh rumpun bangsa Melayu harus dipandang serius kerana dengannya bangsa Melayu akan kembali berdaulat dan gemilang. Kebangsaan Melayu serta

parti politik merupakan alat perjuangan yang harus digunakan semaksimum mungkin bagi menjayakan matlamat sebenar perjuangan kemerdekaan Malaya.

Justeru itu, di Alam Melayu ini orang Melayu yang sudah menerima Islam ratusan tahun, mesti memperjuangkan Islam selaras dengan tuntutan Islam sebagai sebuah agama yang bersifat syumul. Segala sumber hendaklah digunakan demi untuk mengembalikan orang Melayu kepada ajaran Islam dan segala pergerakan hanyalah bersifat alat untuk mencapai matlamat iaitu Islam sebagai satu cara hidup dan bersifat penaung bukan dinaungi.

Kesimpulan

Maka penulis dapat merumuskan bahawa perkembangan aliran pemikiran Islam di Malaya selaras dengan kebangkitan gerakan reformasi Islam yang disebarkan oleh *Ikhwanul Muslimin* di Mesir, dalam bentuk organisasi yang lebih mantap. Strategi pengkaderan yang dilakukan oleh gerakan *Ikhwanul Muslimin* berjaya melahirkan golongan pewaris pejuang Islam di seluruh dunia termasuk di Malaya. Gelombang kebangkitan Islam yang diperjuangkan oleh Kaum Muda atau golongan reformis Melayu Islam berjaya membuka minda orang Melayu umumnya. Akhirnya mereka ini digolongkan oleh penjajah British sebagai golongan berhaluan kiri atau golongan radikal dalam sejarah perjuangan menentang mereka.

British memperkenalkan Akta Darurat 1948 bertujuan membendung kebangkitan rakyat. Pengenalan akta tersebut menghalalkan tindakan British menangkap dan memenjarakan tokoh-tokoh Melayu Islam. Malah gerakan Islam turut diharamkan. Pengisytiharan Darurat pada tahun 1948 dilakukan oleh pihak British menyebabkan pergerakan golongan kiri menerima musibah yang paling dahsyat. Lantaran itu, tindakan British memperkenalkan Undang-undang Darurat 1948 merupakan suatu tindakan untuk mewujudkan *political vacuum* yang bertujuan untuk menyekat proses kebangkitan Islam di Malaya. Pengenalan dan menguatkuasakan Akta Undang-undang Darurat 1948, sesungguhnya mempunyai pelbagai agenda yang tersembunyi serta secara tegas penulis menyatakan bahawa sebenarnya ia mempunyai matlamat serampang tiga mata iaitu:

1. Pertamanya, ingin membendung pengaruh komunis yang sedang berleluasa dalam kalangan masyarakat Cina di Malaya.
2. Keduanya, memberi kuasa kepada pihak pemerintah British serta menghalalkan tindakan mereka untuk menangkap dan memenjarakan golongan radikal Melayu tanpa perbicaraan.
3. Ketiganya, membendung kebangkitan gerakan reformasi Islam yang sedang berkembang di Malaya.

Maka jelaslah bahawa Islam yang bersifat syumul tetapi masih bersifat samar diamalkan di Alam Melayu. Lantaran itu, perjuangan Islam merupakan sebuah perjuangan yang bersifat perkembangan yang tidak seharusnya dilupakan atau ditinggalkan oleh orang Melayu Islam. Namun harus diingat Islam yang bersifat dagang dan akan kembali bersifat dagang sekiranya orang Melayu leka dan lupa kepada sejarah perjuangan bangsanya sendiri.

Bibliografi

- _____. 1955. *Agama dan Politik*. Kuala Lumpur. Pejabat PAS Pusat.
- _____. 1967. *Ideologi Politik Islam*, Kuala Lumpur. Pejabat PAS Pusat.
- Abdul Halim Mahmud. 2003. "Orang Melayu Sebelum Merdeka: Satu Tinjauan", dlm. *Malaysia Dari Segi Sejarah*. Kuala Lumpur. Persatuan Sejarah Malaysia.
- Abdul Muta'al Al-Jabari. 1987. *Zaman Penyiksaan Penjara dan Tali gantung*. Terj. Syeikh Fakhruddin Muhammad Taha. Kuala Lumpur. GG Edar.

- Abdul Rahman Abdullah. 1998. *Pemikiran Islam di Malaysia : Sejarah dan Aliran*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Al Syeikh Sa'id Hawwa. 1985. *Jundullah, Jihad Fi Sabilillah (Jihad Pada Jalan Allah)*. Terj. Md. Akhir Yaacob. Kuala Lumpur. Dewan Pustaka Fajar.
- Auni Abdullah. 1991. *Islam Dalam Sejarah Politik dan Pemerintahan Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Nurin Enterprise.
- Awang Had Salleh. 1977. "Institusi Pondok di Malaysia", dlm. Zainal Kling (peny.), *Masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur. Utusan Publications.
- Burhanuddin Al Helmy, *Teks Ucapan Dasar* (versi Bahasa Inggeris), Mesyuarat Agung Tahunan ke-5, Pejabat PAS Pusat, Kuala Lumpur, 1956.
- Burhanuddin Al Helmy. 1946. *Perjuangan Kita*. Singapore. Parti Kebangsaan Melayu Malaya.
- CO273/534. *The Malayan Bulletin of Political Intelligence*. December 1926.
- CO537/3751/136798. *Pan Islamic Movement*.
- CO537/3751/136798. *Patani Affiars*.
- CO537/6016. SECRET. *Anti British Propaganda Among Malay Pilgrimage at the Hejaz*.
- Fadhullah Jamil. 2000. *Islam di Asia Barat Moden, Sejarah Penjajahan dan Pergolakan*. Batu Caves. Thinkers Library,
- Hairudin Harun. 2001. *Kosmologi Melayu Dalam Era Teknologi Maklumat, Antara akal budi Melayu dengan budaya fakir digital*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ismail Hj. Ibrahim, Ismail Abd. Rahman dan Mat Aris Dollah. 1993. "Syeikh Tahir Jalaluddin", dlm. Ismail Mat. (peny.). *Ulama Silam Dalam Kenangan*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khazin Mohd. Tamrin. 1997. "Tradisi Merantau: Perlunya Diberi Perhatian Dalam Kajian dan Penulisan Sejarah Malaysia" dlm. Badriyah Salleh dan Tan Liok Ee, *Alam Pensejarahan : Dari Pelbagai Perspektif*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayuddin Haji Yahaya. 2001. *Islam di Alam Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Maymon Arif. 1973. "Kegiatan Politik Melayu Tahun 1930an", dlm. *Jurnal Jebat*. Bangi. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Redzuan Othman. 2005. *Islam dan Masyarakat Melayu, Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Mohd. Isa Othman. 2002. *Sejarah Malaysia 1800-1963*. Kuala Lumpur. Utusan Publications & Distributions.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1994. *Patani Dalam Tamadun Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Abu Bakar. 1994. *Potret Masa. Persaingan Ideologi dan Pemulihan Tradisi*. Petaling Jaya. Gateway.
- Muhammad Abu Bakar. 1997. "Ulama Pondok dan Politik Kepartian di Malaysia 1945-1985". dlm. Norazit Selat (ed). *Ekonomi dan Politik Melayu*, Kuala Lumpur. Akademik Pengajian Melayu. Universiti Malaya.
- Muhammad Abu Bakar. 2007. "Tanah Melayu Abad ke-19 : Pengislaman, Penjajahan dan Pemupukan Manhaj Melayu", dlm. Farid Mat Zain. (peny.). *Islam di Tanah Melayu Abad ke-19*, Shah Alam. KARISMA Publications.
- Nabir Haji Abdullah. 1976. *Maahad Il Ihya As-Sharif, Gunung Semanggol, 1934-1959*. Bangi. Jabatan Sejarah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 1999. *Sejarah Perjuangan Melayu Patani 1785-1954*. Bangi. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ramlah Adam. 2000. *Burhanuddin Al Helmy : Satu Kemelut Politik*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Sayyid Quthub. *Fizhilaalil Quran, Di Bawah Naungan Al Quran*. Terj. H. Bey Ariffin dan Jamaludin Kafie. 1982. Surabaya. Pt. Bina Ilmu.

Siddiq Fadil. 1998. *Minda Melayu*. Kuala Lumpur. Institut Kajian Dasar.

Suara Islam. 15 Mei 1957.

Syed Muhammad Naquib Al Attas. 1990. *Islam dalam Sejarah Kebudayaan Melayu*. Petaling Jaya. Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Utusan Malaysia. 4 September 2006.

Utusan Melayu. 2 Disember 1947.

Utusan Melayu. 7 September 1947.

Latar Belakang

Pembangunan

Kemajuan

masyarakat

per ka

Sement

masyar

yang t

menjus

dalam

India

tinggi

masya

konflik

berbang

Rum

hidup

Bah

Melay

oleh

dalam

OS-ek

ke-20

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center

Center